

13/10/2003

Malaysia penentu jernihkan keaiban, carta masa depan OIC

Mohd Azlan Jaafar

SEHINGGA jam 6.50 petang kelmarin, Pegawai-Pegawai Kanan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di dewan Plenary utama masih sibuk meneliti agenda yang bakal menjadi tumpuan perbincangan peringkat Menteri dan Ketua Kerajaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak yang mempengerusikan mesyuarat pegawai-pegawai kanan (SOM) dikatakan meninggalkan mesyuarat kira-kira jam 7.15 malam.

Sidang akhbar Ahmad Fuzi yang sepatutnya berlangsung jam 7 malam dibatalkan. Mesyuarat dan penerimaan agenda itu dikatakan berlarutan berikutan sesetengah negara mahu idea dan cadangan mereka dimasukkan sebagai agenda mesyuarat kelak.

"Mungkin ada bantahan negara tertentu mengenai beberapa agenda," kata seorang wartawan yang menunggu di ruang legar Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) yang dibina khas untuk menyambut Ketua Negara OIC.

OIC sebelum ini didakwa gagal meletakkan negara Islam sebagai anggota masyarakat dunia yang dihormati walaupun sudah berusia 34 tahun dan mempunyai kekayaan dalam bentuk sumber asli - minyak.

Kegagalan utama OIC adalah mengenai kegagalan menyatukan semua negara Islam serta menggunakan kesepaduan itu untuk diterjemahkan kepada langkah konkrit. Perbalahan ini bukan disebabkan faktor tekanan negara bukan Islam, sebaliknya percakaran antara anggota terutama yang mempunyai sejarah persengketaan seperti Iraq-Iran dan Iraq-Kuwait.

Dalam sembilan mesyuarat yang diadakan sebelum ini, anggota OIC sentiasa mengeluarkan resolusi mengecam Israel berikutan pendudukan tanah Palestin, serangan tidak henti di bumi Asia Barat, pembunuhan umat Islam tidak berdosa dan pelanggaran kepada undang-undang antarabangsa.

Kebanyakan masa resolusi itu tegas, nyata dan lantang tetapi tiada hasil konkrit.

"Sudah tiba masanya OIC berhenti mengeluarkan resolusi, sebaliknya menerima dan melaksanakan langkah praktikal termasuk seperti mengenakan sekatan politik dan ekonomi selain memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel," kata Duta Besar Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra.

"Ini adalah masa untuk bentuk praktikal dan bersatu dan bersuara sebagai satu bahasa supaya dunia mendengar suara kita," katanya.

Kepada ramai yang tidak mengetahui, OIC diwujudkan di atas abu dan runtuhannya Masjid Al-Aqsa apabila seorang warga Australia dipercayai mempunyai kepentingan Zionis, memulakan kebakaran di masjid yang dianggap tempat suci ketiga umat Islam.

Denis Michael Rohan yang menyamar sebagai pelancong, memasuki masjid yang menjadi kiblat pertama umat Islam dan mencurah bahan bakar di Mimbar Nur al-Din Zinki dan memulakan kebakaran. Kira-kira 1,500 meter persegi atau satu pertiga daripada bahagian selatan masjid itu musnah.

Kawasan yang terbakar dalam tindakan itu dikenali di kalangan umat Islam sebagai Haram as-Sharif yang menjadi tumpuan umat Islam selama 1,300 tahun. Kerja membaiki semua masjid itu dilakukan dengan sumbangan RM34.2 juta (AS\$9 juta) dari Jordan.

Dunia Islam mengecam perbuatan yang dianggap penghinaan terbesar terhadap agama dan umat secara terbuka dan kejam. Tetapi selepas 34 tahun penubuhan OIC di Rabat, Maghribi dan memasuki persidangan ke-10 ketua negara yang sepatutnya membebaskan bumi Palestin daripada cengkaman Israel, tidak banyak yang berubah.

Sebahagian besar Tebing Barat, Semenanjung Gaza dan Bukit Golan yang ditawan Israel masih dalam genggaman rejim itu. Dalam tempoh tiga tahun sejak intifada, lebih 3,500 penduduk Palestin dibunuh. Beratus ribu kehilangan rumah dan tanah air serta menjadi pelarian.

Kelmarin tentera rejim membunuh tujuh warga Palestin termasuk seorang budak lelaki berusia lapan tahun dalam serangan di khemah pelarian di Rafah.

Bukan saja matlamat membebaskan bumi Palestin masih tidak tercapai, Iraq dan Aghanistan ditakluki tentera asing. Umat Islam dilabel sebagai penganas berikutan kejadian 11 September 2001. Pergerakan umat Islam di kebanyakan negara maju diperincikan dan sering dikaitkan dengan penganas.

Hampir separuh negara yang menganggotai pertubuhan yang mewakili suara Islam hidup dalam kemiskinan.

Kekayaan yang dimiliki negara Arab terutama daripada hasil minyak, tidak diterjemahkan sebagai suatu 'kekuatan' kepada umat. Islam yang mempunyai penganut teramai di dunia ketinggalan dalam bidang ekonomi, sosial, teknologi, pendidikan serta ketenteraan.

Sekali lagi, pemimpin dan ketua negara dari 57 negara Islam berkumpul untuk mencarta masa depan pertubuhan itu. Harapan kali ini sangat tinggi berdasarkan rekod Malaysia sebagai suara lantang kepentingan negara Islam dan dunia ketiga.

"Kita berharap Malaysia akan menerajui usaha ini sebagai pengerusi OIC dan dengan kebijaksanaan pemimpin Malaysia, tindakan praktikal ini dapat dilaksanakan," kata Al-Farra.

Piagam OIC dengan jelas menyatakan keperluan melaksanakan tindakan untuk melindungi rumah suci selain menyokong perjuangan rakyat Palestin selain membantu mereka mendapatkan semula hak serta membebaskan Tebing Barat dan Semenanjung Gaza daripada penjajahan Israel.

Malaysia sedar harapan besar yang diletakkan kepada negara ini untuk mengetuai pertubuhan yang pelbagai 'kategori' ahli untuk tempoh tiga tahun akan datang terutama melihatkan senario semasa yang melanda umat Islam.

"Cabaran Malaysia sebagai Pengerusi OIC untuk tempoh tiga tahun akan datang adalah sangat besar berdasarkan senario politik, ekonomi dan sosial yang dihadapi ummah.

"Kita akan berusaha menjadikan OIC memainkan peranan penting sebagai suara sewajarnya dan adil serta menyumbang secara berkesan ke arah keamanan, kestabilan dan kemakmuran global terutama bagi negara anggota.

"Malaysia, bagaimanapun tidak akan terhalang oleh cabaran berkenaan," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Perwakilan yang menghadiri mesyuarat SOM walaupun menghormati keupayaan Malaysia, percaya banyak yang perlu dilakukan bagi memperbetulkan 'kesalahan' silam yang tertanam dalam organisasi itu.

"Ada masalah pelaksanaan dalam OIC... masalah yang besar. Ini satu isu Malaysia dan ramai pemimpin lain termasuk Jordan menekankan perlu ada sesuatu yang konkrit, yang dipersetujui atau yang boleh dilaksanakan," kata Duta Jordan, Dr Musa S Braizat.

"Ada kehendak, kemahuan, kaedah sesuai selain persediaan kerajaan Malaysia dan kepemimpinannya dalam menyediakan diri untuk jawatan pengerusi," katanya.

Tetapi tugas yang menanti Malaysia seperti juga yang dihadapi sembilan pengerusi sebelum ini bukanlah kecil.

Malah, keadaan sekarang semakin kompleks. Selain pergolakan di dunia Islam, banyak masalah yang dihadapi negara anggota lebih disebabkan kelemahan sendiri daripada kekuatan musuh Islam sendiri. Dengan 1.3 bilion penganut dan kekayaan minyak, sebahagian besar negara Islam masih dibelenggu perbezaan pendapat dalam pelbagai isu terutama sosial, pendidikan, pembangunan dan teknologi.

Selain negara Arab yang kaya dengan minyak, penduduk Islam di negara OIC lain dibelenggu masalah buta huruf, kemiskinan, ketiadaan infrastruktur asas, pertelingkahan antara puak, interpretasi Islam yang berbeza selain `sistem masyarakat tertutup.'

Banyak negara anggota juga gagal menyumbang bahagian masing-masing kepada pertubuhan itu untuk menjadikannya relevan kepada situasi semasa.

"Kita tidak boleh menyegarkan pergerakan OIC tanpa menyegarkan masyarakat kita. Kita tidak boleh berkesan dengan mempunyai negara yang lemah dan menghadapi masalah tetapi mempunyai organisasi yang kuat yang menyatukannya," katanya.

Kini giliran Malaysia mengambil baton mencarta masa depan dan hala tuju pertubuhan itu untuk tempoh tiga tahun akan datang. Malaysia mempunyai iltizam dan keazaman untuk menghilangkan keaiban yang dipalit di Bukit Golan, Semenanjung Gaza, Iraq, Afghanistan, Syria dan serata dunia Islam lain. Tetapi tiada satu negara dapat melakukannya sendiri.

Mungkin kini masanya untuk membina semula Islam, bukan hanya atas abu dan debu kebakaran Al-Aqsa tetapi kebesaran agama itu sendiri. Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hanya ada satu Islam dan semua umat Islam bersaudara.

Mungkin persidangan OIC ke-10 kali ini dapat mengembalikan kepada Islam yang satu di kalangan semua anggota.